




## Pameran Karya Pilihan Tahunan Sabah 11 September – 11 October

Diadakan setiap tahun, Karya Pilihan Tahunan Sabah merupakan pameran terbesar dianjurkan oleh Galeri Lukisan Sabah. Ia mempamerkan karya terpilih oleh pelukis berbakat Sabah, daripada pelajar sekolah sehinggalah pelukis profesional. Pameran ini diadakan bersempena dengan hari jadi Yang di-Pertua Negeri dan banyak lukisan yang diketengahkan di sini adalah potret besar Yang di-pertua Negeri. Datang dan Saksikan bakat-bakat lukisan di Sabah di tahap terbaik di Galeri Lukisan Sabah.

**Galeri ini dibuka kepada orang ramai setiap hari bermula 9 pagi hingga 5 petang. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 088-268875 atau faks 088-210040. Selain itu, hantarkan e-mel ke [gallery@tm.net.my](mailto:gallery@tm.net.my)**



©Sabah Tourism



©Sabah Tourism

# Taman Tunku Abdul Rahman

Untuk pengalaman bersiar-siar di pulau, Taman Tunku Abdul Rahman adalah pilihan sesuai anda! Terdiri daripada lima buah pulau, iaitu pulau Manukan, Mamutik, Sulug, Gaya dan Sapi, taman laut ini hanya mengambil masa 20 minit menaiki bot laju dari pesisir Kota Kinabalu. Setiap pulau memiliki tarikannya: Manukan dan Mamutik dilengkapi dengan kemudahan dan terkenal dengan aktiviti airnya yang banyak manakala pulau lebih kecil, Sapi, merupakan destinasi popular bagi mereka yang ingin berjemur tenang di bawah matahari. Pulau-pulau ini menawarkan pelbagai aktiviti untuk dinikmati semua, daripada menaiki bot berbentuk pisang yang terhentak-hentak sehinggalah paralayar: Cara hebat melihat pemandangan Bandaraya KK dan Lautan China Selatan dari mata burung! Menyaksikan kehebatan bawah air menerusi snorkel dan selam skuba. Suka akan aktiviti luar? Pulau Sapi, Sulug dan Mamutik menawarkan tapak-tapak khemah yang hebat. Satu lagi aktiviti unik ialah *seawalking*. Kunjungi Pulau Sapi untuk pengalaman menakjubkan ini. Sama ada anda inginkan hari penuh keseronokan atau tengah hari yang tenang di bawah sinaran matahari, Taman Tunku Abdul Rahman miliki semuanya!

### Untuk ke Sana

Berlepas atau tiba di Jesselton Point yang terletak bersebelahan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Ia dibuka setiap hari bermula 7:30 pagi hingga 5.00 petang. Pengunjung juga boleh berlepas dari Pusat Peranginan Sutera Harbour Marina atau Shangri-La's Tanjung Aru Resort.

*Six Senses*  
Unit & Spa Therapies Centre

*Unforgettable Pampering Experience*

Must Try!




**Traditional Body Scrub +  
Hot Stone Therapy + Head & Shoulder Relaxing**

Hot Stone Foot Reflexology	Bust Firming
Deep Cleansing Facial	Chinese Traditional "Gua Sha"

Six Senses the most amazing place I've visited. The staff are very Professional and friendly. The hot stone massage was the best massage.  
Event - Dlyce Australia

It was a totally different experience and I would never forget of massage with Hot Stone that I had!! - Jelwin, Korea

\* Free transport available (own area only) 15 mins drive from town

Business Hour: Mon - Sat 9:30am - 6:30pm  
To make appointment, contact Six Senses at  
Lot 2-1-2, Phase 2, Kolam Centre Hilltop, Luyang,  
Jalan Lintas, Kota Kinabalu. Tel: 088-213163